



DARI PERANG BESAR KE PUTRAJAYA

Coretan Sejarah Perancangan dan
Pembangunan Putrajaya 1995 - 2015



PENYELENGGARA
MUHAMAD HAITAMIN ISHAK



18/11/2024
Foc
Lib.

[Handwritten signature]

butun 2' 18/11/24

[Handwritten signature]
18/11/24





#282833
959.524
MHL

**DARI
PERANG BESAR
KE
PUTRAJAYA**





DARI PERANG BESAR KE PUTRAJAYA

CORETAN KISAH DAN SEJARAH PUTRAJAYA
(1995 – 2015) BERDASARKAN PENGALAMAN
SEBAHAGIAN DARIPADA MEREKA YANG TERLIBAT
SECARA LANGSUNG DI PERINGKAT AWAL DALAM
MERANCANG, MEMBANGUN, MENGURUS DAN
MENTADBIR PUTRAJAYA

DISUSUN DAN DISUNTING OLEH

MUHAMAD HAITAMIN BIN ISHAK

PUSTAKA PERDANA



1013751



Cetakan pertama, Februari 2023

Hak cipta © Muhamad Haitamin bin Ishak
Hak penerbitan © The Biblio Press

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Kenyalang adalah sebuah imprin Biblio Press

Diterbitkan oleh:

The Biblio Press Enterprise

G-2, Menara Mutiara Majestic,
15, Jalan Othman,
46000, Petaling Jaya,
Selangor.

Penyelenggara projek: Datuk Muhamad Haitamin bin Ishak

Penyunting: Nur Asilah binti Jamil

Pembaca pruf: Fasehah Husna

Pereka sampul: Raiha Bahaudin

Pereka letak dan atur huruf: Raiha Bahaudin

Dicetak oleh:

Firdaus Press Sdn. Bhd.,

28, Jalan PBS 14/4,

Taman Perindustrian Bukit Serdang,

43300, Seri Kembangan,

Selangor Darul Ehsan.



014-9470499



penerbitan@thebibliopress.com



thebibliopress.com



The Biblio Press



@bibliopress



@bibliopress



“Putrajaya the new Federal Government Administrative Centre, will be a city that characterises the spirit of Malaysia in its fullest sense in the 21st century when it is fully completed. Putrajaya will symbolise the nation's aspirations.”

**Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad
Prime Minister of Malaysia**



SENARAI KANDUNGAN

SENARAI PENULIS	6
PENGHARGAAN & TERIMA KASIH	
PRAKATA OLEH TAN SRI SAMSUDIN OSMAN	7
PENDAHULUAN	12
1. Sejarah Perancangan dan Pembangunan Awal Putrajaya serta Isu-isu berkaitan dengan Pentadbiran Tanah	19
Muhamad Haitamin bin Ishak	
2. Organisasi Pelaksanaan bagi Perancangan, Pembangunan dan Pengurusan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya	65
Muhamad Haitamin bin Ishak	
3. Pengalaman 1 - Dari Pejabat Tanah ke Perang Besar – Coretan Pengalaman Bertugas dalam bidang Pentadbiran Tanah dan Pembangunan Putrajaya	89
Muhamad Haitamin bin Ishak	
4. Pengalaman 2 - Dari Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) ke Putrajaya: Pengalaman seorang CEO	123
Mohd Hashim bin Hassan	
5. Pengalaman 3 - Pengalamanku di Putrajaya - sebagai seorang Perancang Bandar	135
Omairi bin Hashim	
6. Pengalaman 4 – Coretan Pengalaman Membangunkan Putrajaya	157
Shaari bin Hanapi	



-
7. **Pengalaman 5 – Pembangunan Putrajaya dari Pengalaman Pemaju** 175
Aminuddin bin Ibrahim
 8. **Pengalaman 6 - Kerja-Kerja Tapak dan Ukur: Pengalaman Seorang Juruukur Tanah** 195
Zulkaffle bin Zakaria
 9. **Pengalaman 7 - Mengurus dan Menyelenggara Landskap dan Taman-taman Awam di Putrajaya** 217
Mohamad bin A. Shukor
 10. **Pengalaman 8 - Membangun dan Mengurus Sistem Pengurusan Trafik dan Sistem Pengangkutan Putrajaya** 225
Ab. Rahim bin Md Junoh
 11. **Pengalaman 9 - Penubuhan Jabatan Audit Dalaman – Pengalaman dalam Pemantapan Organisasi Perbadanan Putrajaya (PPj)** 235
Mohtar bin Kamirun
 12. **Anekdote – Catatan Pengalaman dan Peristiwa Menarik Sepanjang Perkhidmatan Awal di Putrajaya** 245
Muhamad Haitamin bin Ishak


Senarai Singkatan

Senarai Gambar-Gambar

Lampiran

Rujukan





Perlihatkan bunga api berhampiran jambatan Seri Wawasan, Putrajaya.



SENARAI PENULIS

1. Datuk Muhamad Haitamin bin Ishak
2. Datuk Mohd Hashim bin Hassan
3. Dato' Omairi bin Hashim
4. Shaari bin Hanapi
5. Aminuddin bin Ibrahim
6. Mohamad bin A. Shukor
7. Dato' Mohtar bin Kamirun
8. Ab. Rahim bin Md Junoh
9. Zulkaffle bin Zakaria



PRAKATA OLEH TAN SRI SAMSUDIN OSMAN



Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Datuk Muhamad Haitamin Ishak, penyusun dan penyunting serta penulis buku *Dari Perang Besar Ke Putrajaya* atas daya usaha melakarkan sejarah pembangunan dan pembinaan Putrajaya dari kacamata mereka yang terlibat secara langsung dalam pembangunannya. Jika tidak direkodkan pengalaman mereka, umum dan generasi akan datang tidak akan tahu apa yang telah berlalu, suka duka dan penat lelah yang telah dilalui oleh mereka.

Pembangunan Putrajaya adalah unik dan satu-satunya pembangunan yang tidak akan berlaku lagi di Malaysia. YAB Tun Mahathir pernah menyebut, banyak negara ingin membina pusat pentadbirannya yang baharu tetapi hanya tinggal cita-cita sahaja. Dengan izin Allah, visi pemimpin negara untuk membina pusat pentadbiran kerajaan yang baharu telah pun menjadi kenyataan. Pada hemat saya, sekiranya pemimpin itu bukan Tun Mahathir, keberangkalanian besar, kita tidak akan ada Putrajaya.

Putrajaya telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 2001. Pada hari itulah juga bermula perhubungan rapat saya dengan Putrajaya. Saya telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada hari tersebut dan tugas rasmi saya yang pertama adalah untuk mengikuti acara pengisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan.

Sebelum itu penglibatan saya dalam perancangan Putrajaya hanyalah setakat membincangkan pelan bangunan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) khususnya pejabat Ketua Setiausaha KDN dan pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Manusia cuma merancang tetapi Allah menentukan segalanya.

Sebagai KSN, penglibatan saya dalam pembangunan Putrajaya boleh dikatakan tiada. Pada tahun 2001, Perbadanan Putrajaya telah pun melaksanakan tugasnya sebagai pihak berkuasa tempatan dengan rancaknya. Begitu juga Putrajaya Holdings yang telah dipertanggungjawabkan untuk membina pejabat-pejabat kerajaan.

Tun Mahathir memantau pembangunan Putrajaya dengan cukup teliti. Suatu hari apabila saya masuk ke biliknya, saya melihat dia sedang meneropong sebuah bangunan yang sedang dibina yang kemudiannya saya mendapat tahu ia adalah bangunan Putrajaya Holdings yang apabila siap akan disewakan dan kemudian dibeli oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. Beliau telah mengarahkan saya bertanya kepada pihak pemaju kenapa tidak ada pekerja di bangunan tersebut. Begitulah Tun Mahathir; bukan sahaja melihat dan meneliti pelan, melawat tapak pembinaan tetapi juga memantau pembangunan yang dapat dilihat dari pejabatnya.



Pada 15 Julai 2004, Jabatan Perdana Menteri telah menerima berita kepulangan kerahmatullah Pengerusi dan Presiden Perbadanan Putrajaya, iaitu Tun Azizan Zainal Abidin. Tidak sedikit pun saya menyangka peristiwa itu akan mengubah kerjaya saya.

Saya telah berjumpa Perdana Menteri, YAB Tun Abdullah Ahmad Badawi di kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom untuk mencadangkan nama-nama tokoh bagi menggantikan Allahyarham Tun Azizan. Beliau di dalam lawatan rasmi ke United Kingdom dan secara kebetulan saya antara pegawai yang ikut serta dalam rombongannya. Sebaik sahaja saya membuka mulut untuk mencadangkan nama Pengerusi dan Presiden Perbadanan Putrajaya yang baharu, Tun Abdullah mengelengkan kepalanya seraya berkata "*I want you to be there*". Saya memberitahunya saya sudah ada jawatan. (Macamlah beliau tidak tahu). Beliau selanjutnya menyebut "*I want you to continue there after you retire as KSN*".

Pada 28 Julai 2004 saya telah dilantik sebagai Pengerusi dan Presiden Perbadanan Putrajaya dan seperti yang sering disebut orang, "*the rest is history*".

Saya tahu apa tugas dan tanggungjawab pihak berkuasa tempatan. Tetapi mengetahui apa yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan dan menerajui sebuah pihak berkuasa tempatan yang lain dari yang lain adalah dua perkara yang berlainan.

Saya menerima tanggungjawab itu dengan hati yang terbuka dan memohon Allah untuk memberikan saya kekuatan dan hidayah-Nya untuk menjayakannya.

Syukur Alhamdulillah, saya telah menyandang jawatan Pengerusi dan Presiden Perbadanan Putrajaya

selama lapan tahun dengan sokongan dan dokongan ketua-ketua jabatan dan para pegawai dan kakitangan Perbadanan Putrajaya yang telah memberikan sepenuh komitmen dan kerjasama untuk menjayakan mandat Perbadanan Putrajaya. Mereka tidak lokek dengan ilmu dan sentiasa bersedia membantu saya memahami *the intricacies of work* di sebuah pihak berkuasa tempatan.

Pada tahun-tahun awal perkhidmatan saya, Perbadanan Putrajaya telah menghadapi isu belanjawan untuk pembangunan. Dengan demikian, banyak projek perlu dilanjutkan semasa proses pembinaannya. Terdapat juga isu-isu perjawatan yang perlu diatasi. Antara yang ketara ialah saya dapati banyak pegawai Perbadanan berjawatan tetap tetapi tidak berpencen. Sepanjang pengetahuan saya, perkara sedemikian tidak terdapat dalam perkhidmatan awam. Saya difahamkan keadaan itu berlaku kerana terdapat sekatan mewujudkan jawatan. Dengan demikian, Perbadanan telah mewujudkan jawatan sendiri tetapi tidak berpencen. Dengan bantuan Puan Normah dari JPA, isu perjawatan itu telah diperbetulkan. Saya memberitahu seorang pegawai perbadanan, "nasib baiklah Presiden kamu masih KSN. Dapatlah sedikit perhatian dari JPA."

Saya berpandangan bahawa tidak mungkin sebuah organisasi boleh berprestasi tinggi jika petugasnya tidak berprestasi tinggi. Oleh itu, saya memberi perhatian kepada pembentukan sebuah organisasi yang mantap, dengan antara lainnya membentuk pasukan perbadanan yang mementingkan kerjasama dan *team work*. Yang berintegriti dan mengamalkan tadbir urus yang baik, mengutamakan pelanggan dan komited untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan sentiasa prihatin kepada komuniti dan alam sekitar.



Apabila perbadanan menganjurkan Pesta Floria buat pertama kalinya, saya pastikan ia adalah projek perbadanan dengan penglibatan setiap bahagian dalam melaksanakannya. Walaupun Bahagian Landskap mempunyai peranan utama, kesemua bahagian di perbadanan menyumbang kepada kejayaannya. Begitulah dengan penganjuran Floria seterusnya semasa saya menjadi Presiden.

Pelantikan sebagai Presiden Perbadanan Putrajaya membuka satu ruang yang baru kepada kerjaya saya. Saya agak teruja mempelajari perkara-perkara yang baharu yang belum pernah saya alami. Penugasan di Perbadanan Putrajaya memberi kesempatan kepada saya terlibat dalam pembinaan, penanaman dan pengurusan perkara-perkara yang saya minati – tasik, pokok, taman, bunga dan lain-lain yang mempamerkan keindahan ciptaan Allah.

Saya bersyukur kepada Allah kerana memberi saya kesempatan untuk turut sama mewarnai Putrajaya dengan sokongan pegawai-pegawai yang komited dan profesional. Putrajaya banyak memberi kenangan manis kepada saya.

Sekali lagi syabas dan tahniah kepada Datuk Muhamad Haitamin dan semua yang terlibat dalam penulisan buku ini.

Tan Sri Samsudin Osman
Mantan Ketua Setiausaha Negara
Presiden Perbadanan Putrajaya Ke-2
Jun 2022.

UCAPAN PENGHARGAAN

**SETINGGI-TINGGI UCAPAN PENGHARGAAN
DAN TERIMA KASIH KEPADA**

PERBADANAN PUTRAJAYA (PPj)

**YANG TELAH MEMBERIKAN IHSAN DAN KEBENARAN
KEPADA PENULIS/PENYUSUN UNTUK MENGGUNAKAN
DAN MENYIARKAN/MENERBITKAN SEMULA GAMBAR-
GAMBAR SERTA PETIKAN DARIPADA BUKU-BUKU,
REKOD, ARTIKEL, BROSUR, MEDIA SOSIAL DAN BAHAN-
BAHAN TERBITANNYA**

UCAPAN TERIMA KASIH JUGA KEPADA

YBHG TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN

**YANG SUDI MEMBERIKAN KATA PENGHANTAR/
PRAKATA BAGI BUKU INI**

**YBHG DATO' TPt FADLUN BIN MAK UJUD,
PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA**

&

**YBHG DATO' OMAIRI BIN HASHIM, MANTAN
NAIB PRESIDEN KANAN PPj**

**KERANA BANTUAN DAN SOKONGAN BAGI
PENERBITAN BUKU INI.**



PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Wbt.

Buku ini disusun bagi tujuan merakamkan dan merekodkan serta mendokumenkan coretan pengalaman dan peristiwa mereka yang terlibat secara langsung dengan perancangan dan pembangunan serta pentadbiran Putrajaya dari peringkat awal. Penulis-penulis buku ini terdiri daripada mantan pegawai-pegawai kanan Perbadanan Putrajaya, Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. (selaku Pemaju Utama), Setia Putrajaya dan Putra Perdana (selaku Pemaju Bersama – *Joint Venture Developer*), Juruukur dan Perunding yang terlibat secara langsung pada peringkat awal perancangan dan pembangunan Putrajaya pada awal tahun 1990-an.

Mereka menulis berdasarkan pengalaman dan kepakaran dalam bidang masing-masing seperti perancang bandar, jurutera, juruukur tanah, pegawai pertanian/landskap dan pentadbir mengenai sejarah awal perancangan dan pembangunan Putrajaya untuk dikongsi bersama pembaca terutama untuk generasi akan datang. Di samping itu, ada juga beberapa pengalaman yang agak menarik berdasarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku semasa mereka menjalankan tugas di peringkat awal pembangunan Putrajaya.

Buku ini juga boleh dijadikan sebagai sumber pengetahuan dan rujukan kepada mereka yang ingin membuat kajian mengenai pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya yang merupakan antara pembangunan

hartanah yang terbesar di rantau ini. Banyak pihak luar yang telah datang untuk mempelajari cara dan kaedah Malaysia membangunkan satu pusat pentadbiran yang baharu termasuklah Kumpulan Perancang dan Teknikal dari Korea Selatan yang telah beberapa kali mengadakan lawatan dan perbincangan dengan pihak Perbadanan Putrajaya yang kemudiannya telah membangunkan pusat pentadbiran kerajaan baharu iaitu Sejong City.

Penulisan dalam buku ini ditulis dan diolah dengan pendekatan yang santai dan bersahaja agar tidak menjemukan di samping mempermudah kefahaman setiap peringkat pembaca. Walaupun sebahagian kandungan tulisan dalam buku ini mengandungi maklumat-maklumat berbentuk teknikal tetapi telah disampaikan dengan cara yang mudah untuk difahami. Bagi menjadikan buku ini lebih menarik, kami turut berkongsi gambar-gambar pemandangan dan peristiwa penting di Putrajaya. Hal ini bersesuaian dengan tujuan buku ini diterbitkan iaitu menyasarkan pembaca daripada pelbagai golongan dan peringkat. Sebahagian daripada maklumat dan cerita dalam buku ini merupakan coretan pengalaman peribadi penulis dan berkemungkinan besar belum pernah dikongsi dan diterbitkan secara rasmi.

Dalam buku ini, turut disertakan gambar dan biodata ringkas penulis-penulis yang telah memberi sumbangan artikel mereka. Kami sebagai penyusun dan penyunting buku ingin merakam penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada

semua penulis terutama kepada YBhg Datuk Mohd Hashim bin Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif pertama Putrajaya Holdings Sdn Bhd dan rakan-rakan yang lain atas sumbangan artikel masing-masing. Tidak dilupakan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat terutama Puan Norhazifa Mohamed yang telah membantu di peringkat awal, Puan Nurliza bt Mohd Nasir, Puan Suzana binti Abd. Samad serta jua anak-anak (Zahrina & Zafirah) yang banyak membantu menyemak dan menyusun teks asal tulisan ini. Tidak lupa kepada isteri tersayang (Noraini Ismail) yang sentiasa sabar dan sering memberikan galakan. Kami dengan rendah diri terbuka untuk menerima sebarang pandangan dan teguran membina daripada para pembaca dan memohon maaf atas sebarang kesalahan dan kesilapan.


Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufik walhidayah.

MUHAMMAD HAITAMIN BIN ISHAK

15 Disember 2020

muhamadhaitamin@gmail.com



Dataran Putra







DATUK MUHAMAD HAITAMIN ISHAK

BIODATA PENULIS

Datuk Muhammad Haitamin bin Ishak telah dilahirkan di Kampung Parit Baru, Sabak Bernam, Selangor pada 31 Disember 1956. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Parit Baru seterusnya di Maahad Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SAMT) Batu 38, Sabak Bernam, Selangor. Kemudian, beliau menyambung pelajaran ke Kolej Islam Kelang, Selangor (1976 – 1977) dan Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1978 – 1981) di peringkat Sarjana Muda Sastera (Kepujian). Beliau melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana, *Master of Science (Land Administration & Development)* di Universiti Teknologi Malaysia (2004 – 2006).

Sebaik sahaja tamat pengajian dari Universiti Malaya pada tahun 1981, beliau memulakan perkhidmatan sebagai guru sementara di SAMT Bt 38 dan seterusnya menyertai

Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) pada tahun 1982. Mula bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah (Tanah) Klang pada tahun 1983 dan kemudiannya ditukarkan ke Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Shah Alam sebagai Timbalan Pendaftar Hakmilik Tanah Selangor pada tahun 1989.

Pada 16 April 1995, beliau telah bertukar pula ke Unit Pembangunan Putrajaya, Jabatan Perdana Menteri yang baru ditubuhkan sebagai Timbalan Pengarah (Pengurusan). Berikutan penubuhan Perbadanan Putrajaya pada 1 Mac 1996, beliau telah dipinjamkan ke Perbadanan Putrajaya dan dilantik sebagai Timbalan Pengarah Pentadbiran Tanah. Pada tahun 1988, beliau telah meninggalkan perkhidmatan PPTD dan seterusnya menyertai perkhidmatan di Perbadanan Putrajaya. Sepanjang berada di Perbadanan Putrajaya, beliau telah menyandang beberapa jawatan seperti berikut:

- 1997 : Timbalan Pengarah (Pentadbiran Tanah), Jabatan Perancangan Bandar
- 2005 : Timbalan Pengarah (Perancangan Strategik) Jabatan Perkhidmatan Korporat
- 2007 : Pengarah Perkhidmatan Korporat/Naib Presiden Perkhidmatan Korporat
- 2013 : Naib Presiden Kanan Perkhidmatan Korporat
- 2016 : Naib Presiden Kanan Perkhidmatan Bandar

Beliau kemudiannya telah bersara awal dari Perbadanan Putrajaya pada awal Januari 2016 dan menyertai Universiti Islam Malaysia (UIM), Cyberjaya sebagai Naib Presiden (Pembangunan dan Tugas-tugas Khas) pada awal Ogos 2016 sehingga akhir tahun 2018.

1

SEJARAH PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PUTRAJAYA SERTA ISU-ISU BERKAITAN DENGAN PENTADBIRAN TANAH - SATU KRONOLOGI


Langkah Awal Perancangan Pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

Langkah awal bagi menempatkan semula Pusat Pentadbiran Persekutuan bermula dengan pelantikan pakar runding oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE) pada Mac 1992 untuk menjalankan kajian awal mengenal pasti tapak yang sesuai. Mengikut laporan awal beberapa tapak telah dikenalpasti dan sehubungan itu, sebanyak 5 tapak telah dipilih untuk ditinjau secara terperinci. Walau bagaimanapun, mengikut laporan *The Preliminary Study on The Proposal to Shift Government Office Outside Kuala Lumpur* bertarikh April 1993, terdapat 6 tapak cadangan awal yang dikaji iaitu:

- a. Sepang Cost, Sepang, Negeri Selangor
- b. North West Rawang, Negeri Selangor

- c. North Port Dickson, Negeri Sembilan
- d. Bukit Tinggi/ Janda Baik, Pahang
- e. Kanaboi Plains, Negeri Sembilan
- f. Perang Besar, Sepang, Negeri Selangor

Seperti pelan 6 tapak cadangan awal di bawah:



Pada 2 Jun 1993, kerajaan telah membuat keputusan bersetuju dengan cadangan pemindahan pejabat-pejabat kerajaan ke luar Kuala Lumpur atas faktor-faktor berikut:

- a. Tidak upayaan tanah kerajaan di Kuala Lumpur untuk menampung pertambahan ruang pejabat;

- b. Peningkatan kos sosio-ekonomi yang dialami oleh penduduk Kuala Lumpur disebabkan oleh kesesakan lalu lintas, peningkatan masa perjalanan, pencemaran alam sekitar dan lain-lain.

Di samping itu, kerajaan juga berhasrat untuk membangunkan satu kawasan baharu untuk Pusat Pentadbiran Persekutuan yang dapat mencerminkan kehidupan rakyat Malaysia yang moden, berteknologi tinggi dan mempunyai kesedaran terhadap alam sekitar.

Sehubungan itu, diputuskan supaya Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dipindahkan dari Kuala Lumpur ke Perang Besar, Sepang, Selangor. Oleh itu, Kawasan Ladang Perang Besar dalam Daerah Sepang, Negeri Selangor seluas **8,780 hektar** dicadangkan untuk dijadikan tapak bagi pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baharu. Pemilihan tapak ini adalah berdasarkan perkara-perkara berikut:

- i. Lokasi


Lokasi tapak di Perang Besar mempunyai kelebihan seperti rangkaian pengangkutan wilayah yang sedia ada dan dirancang seperti Lebuhraya Persekutuan, Express Rail Link dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang. Lokasinya yang berhampiran Kuala Lumpur akan memudahkan peralihan ke tapak baharu.

Di samping itu, lokasinya paling strategik dan berada dalam koridor pembangunan Lembah Klang iaitu terletak 25 kilometer dari pusat bandar dan 20 kilometer dari KLIA.




ii. Potensi Pembangunan


Sebagai satu langkah untuk mengagihkan pembangunan dari Wilayah Lembah Klang khususnya Kuala Lumpur, kerajaan telah menempatkan KLIA di Daerah Sepang. Pada masa yang sama, keputusan ini juga akan meningkatkan proses penyebaran pertumbuhan ekonomi di luar wilayah Lembah Klang dan mewujudkan wilayah pembangunan baharu di kawasan sekitarnya seperti Daerah Kuala Langat dan Negeri Sembilan.



Gambar-gambar keadaan asal tapak



Gambar satelit yang menunjukkan keadaan tapak sedia ada dan kawasan persekitaran



Putrajaya terletak di koridor pembangunan Kuala Lumpur dan KL International Airport (KLIA)



Berdasarkan laporan kajian *The Proposal To Shift Government Office Outside Kuala Lumpur*, bertarikh April 1993, terdapat 6 tapak dalam cadangan awal. Sehubungan itu, pihak kerajaan telah memilih kawasan Ladang Perang Besar yang terletak di daerah Sepang sebagai pusat pentadbiran kerajaan yang baharu, yang dinamakan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Perang Besar dan kemudiannya dinamakan sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya. Putrajaya adalah sempena nama Almarhum YAM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia pertama. Bagi merealisasikan perancangan pembangunan, satu Jawatankuasa Induk telah ditubuhkan pada Disember 1993 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada masa itu, Allahyarham YABhg Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid. Pada 29 Ogos 1995, Perdana Menteri Malaysia YAB Tun Dr Mahathir Mohamad telah merasmikan Majlis Pelancaran Pembangunan Putrajaya dan Mercu Tanda Putrajaya sebagai tanda bermulanya pembangunan Putrajaya.

Kisah dan peristiwa ini dicatatkan secara kronologi dalam buku ini dan juga beberapa cebis coretan pengalaman mereka yang terlibat secara langsung dalam perancangan dan pembangunan awal Putrajaya yang diceritakan secara santai dan bersahaja oleh beberapa orang bekas pegawai-pegawai Perbadanan Putrajaya, mantan Ceo Putrajaya Holdings dan juga daripada pihak pemaju Putrajaya serta firma perunding yang terlibat. Mereka menulis mengikut pengalaman, peranan dan profession masing-masing sebagai jurutera, atau perancang bandar, atau juru ukur tanah, akauntan/juru audit, pengurus taman dan landskap serta pengurus dan pentadbir tanah. Semoga coretan dalam buku ini dapat dikongsi dan memberi faedah kepada pembaca sekalian.



HARGA: RM35

ISBN 978-967-0040-28-8



9 789670 040288



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA